



Pelajar melihat runtuh **tembok penghadang tanah** di Kolej Serumpun UPM, semalam. [FOTO ASYRAF SAWAL/BH]

Tujuh motosikal siswa tertimbus

Serdang: Sebuah tembok penghadang tanah di Kolej Serumpun Universiti Putra Malaysia (UPM), di sini runtuh lewat petang semalam, menyebabkan tujuh motosikal milik penghuni asrama itu rosak.

Kebanyakan pelajar sedang berehat di bilik masing-masing ketika kejadian pada jam 6.15 petang itu apabila terdengar dentuman kuat akibat runtuhannya terbabit.

Seorang penghuni kolej berkenaan, Amir Aizat, 24, berkata dia terkejut mendengar bunyi kuat dari arah belakang kolejnya sebelum suasana riuh rendah apabila beberapa pelajar berlari melihat runtuhannya.

"Kami lihat tujuh motosikal yang diletakkan di depan kolej ini rosak akibat kejadian itu," katanya ketika ditemui *BH*, semalam.

Penolong Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Selangor, Mohd Sani Harul, berkata kejadian berkenaan bagaimanapun tidak membabitkan sebarang kemalangan jiwa.